

05 JUL 1998

Malaysia-Singapura (Analisis Berita)
PASANG SURUT HUBUNGAN M'SIA-S'PURA

Oleh: Tham Choy Lin

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Pada Febuari tahun ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membawa rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong dalam kereta yang dipandunya sendiri ke sebuah stesen televisyen satelit di luar Kuala Lumpur sebagai mengakhiri lawatan Goh selama dua hari ke Malaysia.

Pada April, kedua-dua pemimpin itu berjabat tangan mesra di tengah-tengah jambatan kedua menghubungkan Malaysia-Singapura, dan secara bersama merasmikan jambatan sepanjang dua kilometer itu yang dibina oleh kedua-dua negara.

Tetapi dua bulan selepas itu, ketegangan mula dirasai, bukan buat kali pertama, dalam hubungan dua jiran terdekat itu. Kenyataan-kenyataan dari kedua-dua pihak sejak dua minggu lepas memberi gambaran bahawa ada sesuatu yang tidak kena.

"Kemesraan nampaknya berkurangan berbanding sewaktu lawatan itu," kata seorang pegawai kanan Malaysia.

Ketegangan kali ini ialah berhubung dilema yang dihadapi pusat pemeriksaan kastam dan imigresen Malaysia di stesen keretapi Tanjung Pagar di Singapura dan isu lama mengenai keengganan Singapura membenarkan rakyat Malaysia dari Semenanjung yang bekerja di republik itu mengeluarkan caruman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) mereka tanpa syarat sedangkan rakyat Sabah dan Sarawak dibenarkan berbuat demikian.

Ia sekali lagi menampakkan hubungan pasang surut antara kedua-dua negara walaupun keakraban kedua-duanya boleh diumpamakan bagai "air mengalir yang tidak putus" sejak Singapura berpisah dari Malaysia pada tahun 1965.

Isu CPF yang membabitkan kira-kira 50,000 rakyat Malaysia dengan simpanan sebanyak S\$1 bilion (S\$1=RM2.40) menarik perhatian Dr Mahathir.

Khamis lepas Perdana menteri berkata beliau hairan mengapa Singapura mempunyai dua bentuk peraturan bagi rakyat Malaysia yang mahu mengeluarkan wang simpanan CPF mereka dan melayani Sabah dan Sarawak sebagai berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek berkata diskriminasi sebegitu tidak sepatutnya wujud dan beliau akan membuat rayuan rasmi kepada rakan sejawatannya di Singapura mengenai CPF yang membenarkan rakyat negara-negara lain mengeluarkan simpanan mereka apabila mereka berhenti bekerja dan meninggalkan Singapura.

Lim berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Menteri Sumber Manusia Singapura Dr Lee Boon Yang Isnin lepas yang memberitahu Parlimen Singapura bahawa isu CPF dan bekalan air jangka panjang republik itu boleh diselesaikan "dalam konteks kerjasama yang lebih luas" antara kedua-dua negara.

Seorang pemerhati berkata: "Dengan mengaitkan isu pengeluaran CPF dengan perjanjian air yang baru, tindakan Singapura itu seolah-olah menjadikan wang pekerja Malaysia sebagai tebusan untuk mendapatkan bekalan air tambahan.

"Sekiranya Singapura benar-benar serius menunjukkan keikhlasannya, ia harus membenarkan pengeluaran simpanan para pekerja itu terutama sekarang ketika mereka menghadapi kegawatan ekonomi."

Singapura, antara negara termakmur di dunia tetapi masih bergantung sebahagian besarnya terhadap Malaysia untuk bekalan air, bukan sahaja mahu melanjutkan perjanjian airnya selepas tahun 2061, tetapi juga mahukan lebih

bekalan.

Berikutan perbincangan pada bulan Febuari antara kedua-dua perdana menteri di sini, Malaysia bersetuju untuk terus membekalkan air kepada Singapura sehingga selepas tahun 2061, jaminan yang sepatutnya disahkan dalam satu perjanjian dalam masa 60 hari.

Tempoh 60 hari itu telahpun berlalu tetapi perjanjian masih belum ditandatangani.

Perjanjian itu juga dipercayai ditangguhkan disebabkan krisis air yang sedang dihadapi Malaysia di beberapa kawasan, terutama di Lembah Klang, kawasan paling ramai penduduk di negara ini.

Sementara keputusan mengenai simpanan CPF masih terawang-awang, pegawai-pegawai Malaysia dan Singapura dijangka sibuk mengadakan mesyuarat dalam masa beberapa minggu ini mengenai masa depan pusat pemeriksaan kastam dan imigresen Malaysia di Tanjung Pagar.

Menteri Luar Singapura S. Jayakumar berkata Singapura pada 1 Ogos akan memindahkan kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantinnya (CIQ) dari stesen keretapi Tanjung Pagar milik KTM Bhd di selatan pulau itu ke utara, ke Woodlands, pintu masuk ke Singapura melalui Tambak Johor.

Jayakumar juga berkata dengan itu, CIQ Malaysia juga akan berhenti beroperasi dari Tanjung Pagar pada hari yang sama.

Katanya Malaysia telahpun dimaklumi mengenai rancangan Singapura untuk memindahkan CIQ ke Woodlands seawal 1989 dan pada bulan September 1993, Malaysia juga telah bersetuju untuk memindahkan kompleksnya ke situ tetapi mengubah fikiran pada bulan Jun 1997.

Stesen Tanjung Pagar telah wujud sejak 50 tahun lepas, sejak bermulanya perkhidmatan keretapi pada 1924 di Tanah Melayu ketika itu.

Ketegangan terbaru ini akan menguji sejauh mana keakraban hubungan Malaysia-Singapura yang dilihat sebagai pulih semula berikutan lawatan Goh ke Kuala Lumpur.

Ia dikukuhkan lagi oleh Dr Mahathir sewaktu merasmikan Linkedua dengan berkata berkata rundingan yang kerap diadakan di antara kedua-dua negara mengenai cara untuk menangani kegawatan ekonomi telah menjadikan Malaysia dan Singapura lebih menyedari mengenai sensitiviti dan masalah yang dihadapi mereka.

Sambil menyifatkan hubungan Malaysia-Singapura seperti suami dan isteri, Dr Mahathir secara berjenaka berkata: "Biasanya kita ada masalah dengan orang yang dekat dengan kita, bukan yang jauh...seperti suami dan isteri."

Adakah ketegangan terbaru ini akan menyaksikan kerenggangan hubungan sekali lagi?

Hubungan dua hala terganggu pada Mac tahun lepas apabila bekas Perdana Menteri Singapura yang kini Menteri Kanan Lee Kuan Yew menyifatkan Johor sebagai sebuah tempat "terkenal dengan tembak-menembak, penculikan dan kecurian kereta". Bagaimanapun beliau meminta maaf tidak lama kemudian dan diterima oleh Malaysia.

Sebelum itu, Lee turut menimbulkan kemarahan kerajaan Malaysia pada Jun 1996 apabila beliau berkata bahawa Malaysia tidak mengamalkan meritokrasi semasa bercakap mengenai kemungkinan Singapura dan Malaysia bergabung semula.

Dalam kegawatan ekonomi sekarang, Singapura tidak begitu menunjukkan usaha mendekatkan diri dengan jiran-jirannya apabila bank-banknya menaikkan kadar faedah simpanan asing kepada lebih daripada 20 peratus, menarik aliran keluar wang dari negara-negara itu sedangkan ia amat diperlukan di dalam negara sendiri.

Bagi Malaysia, ini juga bermakna berbilion-bilion ringgit yang disimpan di Singapura sebelum bermulanya krisis itu akan terus berada di sana.

-- BERNAMA

TCL WAT RON